



**PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

SEMBAH UCAPAN

**YB DR. ZALIHA MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

SEMPENA

**MAJLIS PENGURNIAAN SUMBANGAN SEMPENA HARI
RAYA AIDILADHA KOMUNITI WILAYAH PERSEKUTUAN
KUALA LUMPUR**

13 JUN 2024

PUSAT KOMUNITI SETIAWANGSA

Terima kasih pengacara majlis.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ
الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam
Malaysia MADANI.

Menghadap,
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong
Raja Zarith Sofiah

**Ampun Tuanku beribu-ribu ampun,
sembah patik pohon diampun.**

MUKADIMAH

1. Patik dengan penuh takzim merafak sembah, menjunjung setinggi-tinggi kasih atas limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku berangkat bercemar duli ke Majlis Sumbangan Sempena Hari Raya Aidiladha Komuniti Wilayah

Persekutuan Kuala Lumpur pada petang ini.

2. Sesungguhnya, keberangkatan Duli Tuanku amat bermakna buat patik-patik sekalian serta menyerikan lagi majlis yang penuh barakah ini. Keberangkatan Duli Tuanku melambangkan keprihatinan dan kasih sayang Tuanku yang tidak berbelah bahagi terhadap patik-patik sekalian.
3. Patik dengan penuh rasa syukur dan penghormatan, menjunjung kasih atas kesudian Kebawah Duli Tuanku mengurniakan sumbangan wang tunai dan bakul makanan sebagai tanda kasih Tuanku kepada rakyat jelata.

Mudah-mudahan, sumbangan ini dapat meringankan beban rakyat dalam menyambut Aidiladha yang bakal menjelma tidak berapa lama lagi.

Ampun Tuanku,

4. Patik pohon limpah perkenan Kebawah Duli Tuanku untuk mengalu-alukan kehadiran tetamu kehormat serta para hadirin yang hadir memeriahkan majlis pada petang ini.

Ampun Tuanku.

Yang Amat Berbahagia

Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail

Penaung PUSPANITA

Yang Berhormat

Nik Nazmi Nik Ahmad

Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam
merangkap Ahli Parlimen Setiawangsa

Yang Berbahagia

**Puan Sri To' Puan Seri Norizam Che Mohd
Nor**

Yang di-Pertua PUSPANITA

Tuan-tuan dan puan-puan para hadirin yang
dihormati sekalian.

PENDAHULUAN

5. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana atas limpah kurnia dan rahmatNya, kita dapat bersama-sama pada petang ini di Majlis Sumbangan Hari Raya Aidiladha Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

6. Tahniah saya ucapkan kepada PUSPANITA atas penganjuran program yang cukup baik seperti hari ini.

PUJI BERPERANAN SEBAGAI *EXIT PLAN*
DALAM PENDAYAUPAYAAN KETUA DAN
AHLI ISI RUMAH

Para hadirin sekalian,

7. Kerajaan pada hari ini mempunyai tekad politik dan komitmen yang tinggi untuk memastikan agenda pembasmian kemiskinan tegar yang membelenggu segelintir rakyat di negara ini, khususnya di Kuala Lumpur, dapat di selesaikan dengan segera.

8. Di peringkat Jabatan Wilayah Persekutuan, *flagship program* yang diberi nama Program Usaha Jaya Insan atau PUJI telah pun diperkenalkan untuk menyelaraskan kesemua bantuan dan inisiatif Kerajaan yang boleh dinikmati oleh rakyat di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan, termasuk Kuala Lumpur.

9. Selain itu, PUJI juga berperanan sebagai *exit plan* dalam mendayaupayakan Ketua dan Ahli Isi Rumah yang produktif untuk keluar dari kepompong miskin tegar, dan yang lebih baik, kita ingin melihat di akhir kitaran PUJI ini, mereka yang telah didayaupayakan ini akan menyumbang semula kepada masyarakat dan komuniti.

10. Melalui PUJI ini juga, pendekatan secara bersasar akan dilaksanakan mengikut profiling Ketua dan Ahli Isi Rumah tersebut. Untuk makluman para hadirin, melalui inisiatif pendayaupayaan Upaya @ PUJI ini, seramai 1,844 Ketua Isi Rumah sedang disantuni oleh Jabatan Wilayah Persekutuan di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan.

PENDEKATAN *WHOLE OF NATION* DALAM MEMBANTU BEBAN RAKYAT

Tuan-tuan dan puan-puan para hadirin sekalian,

11. Saya melihat, program pada hari ini merupakan antara manifestasi pendekatan *whole-of-nation* yang baik, di mana tanggungjawab untuk membantu dan meringankan beban rakyat ini tidak hanya terletak di bahu Kerajaan semata-mata, tetapi turut memerlukan sokongan dan dokongan dari pelbagai pihak termasuklah pihak NGO seperti PUSPANITA.

12. Sehubungan itu, saya ingin menyeru kepada PUSPANITA untuk mengekalkan peranan dalam berkhidmat dan menyumbang kepada komuniti. Teruskan usaha murni ini kerana kecaknaan dan keprihatinan anda amat penting dalam membantu pihak kerajaan memastikan tiada rakyat yang terpinggir dalam arus pembangunan negara. *This is a unified effort that merges efforts of government and society to address this national issues.*

AKHIR KALAM

Para hadirin sekalian,

13. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang menjayakan program pada hari ini. Saya juga mendoakan agar PUSPANITA akan terus aktif dan kreatif dalam menganjurkan pelbagai inisiatif serta program berbentuk kerjasama strategik khususnya dalam menyantuni rakyat seperti program pada hari ini.

14. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengajak para hadirin sekalian untuk kita sama-sama mendoakan kesejahteraan para Duyufurrahman agar dapat menunaikan rukun islam kelima dengan sempurna dan seterusnya memperoleh haji yang mabrur. Amin.

15. Tidak lupa juga untuk saya ucapkan Selamat Menyambut Hari Raya Aidiladha, Taqabbalallahu minnaa wa minkum kepada semua. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala menerima segala pengorbanan yang telah dan akan kita lakukan.

PENUTUP

Ampun Tuanku,

16. Demikianlah sahaja persembahan ucapan patik pada hari ini. Patik sekali lagi merafak sembah, menjunjung setinggi-tinggi kasih atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Banginda Tuanku berangkat ke majlis pada hari ini.

17. Patik juga mendoakan agar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, putera-putera dan puteri-puteri serta sekalian kerabat dikurniakan keafiatan dalam memerintah negara Malaysia dengan sejahtera.

18. Izinkan patik mengakhiri sembah ucapan patik dengan dua rangkap pantun:

Alur dibelat tebing dirata,
Tepian sumur tanahnya subur;
Tuanku berdaulat payung mahkota,
Negara makmur sama bersyukur.

10 Zulhijjah bakal menjelma,
Tuanku pengasih perkenan kurnia;
Sembah patik suri jelata,
Menjunjung kasih Tuanku yang mulia.

Ampun Tuanku.

Patik-patik sekalian menjunjung kasih.

Sekian. Wabillahi Taufiq Walhidayah
Wassalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

Terima kasih.